

25 JAN 1997

AGONG KIRIM PERUTUSAN TAHNIAH KEPADA PRESIDEN INDIA

KUALA LUMPUR, 25 Jan (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Najihah menghantar perutusan tahniah kepada Presiden India Dr Shankar Dayal Sharma sempena ulang tahun ke-48 Hari Republik negara itu hari ini.

"Beta dan Raja Permaisuri Agong mengambil kesempatan ini untuk melahirkan harapan semoga Tuan dalam keadaan sihat dan semoga rakyat Republik India menikmati keamanan dan kemakmuran yang berterusan," kata Tuanku Ja'afar dalam perutusan yang dikeluarkan oleh Wisma Putra.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pula menghantar perutusan kepada Perdana Menteri India H D Deve Gowda dengan menyatakan bahawa hubungan perdagangan dan budaya antara Malaysia dan India yang lama terjalin telah merapatkan hubungan rakyat kedua-dua negara.

"Saya berharap hubungan rapat antara sektor swasta kedua-dua negara akan menghasilkan usahasama yang berjaya demi faedah kedua-dua negara pada jangka panjang," kata beliau.

Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi menghantar perutusan kepada rakan sejawatannya Inder Kumar Gujral dengan melahirkan keyakinan bahawa kerjasama erat dan persefahaman antara kedua-dua negara diperkukuhkan demi kepentingan bersama. -- BERNAMA

HAK FAZ